

## Usaha capai kecemerlangan

MARANG – Seawal usia lima tahun, seorang pelajar dari kampung Rhu Rendang, di sini, sudah bergelar anak yatim dan disebabkan itu juga membuatnya memandang sisi kehidupan dengan positif dan lebih berani.

Nurinaba Yusof, 15, terus berusaha mengesahkan kejayaan dan kini menjadi pelajar cemerlang dengan keputusan 9A 2B dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) bagi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Payong, di sini.

Nurinaba berkata, bapanya meninggal dunia ketika dia berumur lima tahun akibat daripada penyakit batuk kering (tibi) dan apabila berusia tujuh tahun, dia dihantar ke Asrama Anak Yatim Darul Falah Bukit Payong.

"Ibu saya (Seriwati Nor Salim) tinggal di kampung Rhu Rendang dan hanya bekerja sebagai pembantu kedai makan dengan gaji sebanyak RM1,000 sebulan ia tidak cukup untuk menanggung kami.

"Sebab itu, saya perlu berusaha bersungguh-sungguh dalam peperiksaan ini dan bercita-cita untuk menyambung pengajian di tingkatan empat di Sekolah Menengah Agama Durian Guling, di Marang ini,"



Nurinaba (kanan) bersama ibunya, Seriwati berkongsi kegembiraan selepas memperoleh keputusan cemerlang dalam PT3.

katanya.

Menurut Nurinaba, dia juga cukup berterima kasih kerana diberikan peluang untuk menyertai program empower ECER yang berjaya membantu menaikkan semangatnya untuk terus belajar dengan bersungguh-sungguh.

"Saya juga berharap agar program empower ECER dapat diteruskan lagi pada tahun hadapan supaya dapat membantu pelajar-pelajar lain untuk terus berjaya dalam bidang akademik," katanya kepada

pemberita di sini.

Program empower ECER Latihan Akademik dikendalikan Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Tahun ini seramai 90 pelajar PT3 di Marang telah menjalankan program latihan akademik Program empower ECER bagi sesi 2016 dan seramai 33 pelajar mendapat 5A ke atas dan Nurinaba pula berjaya memperoleh 9A 2B.